

Pilihanraya Kampus UniMAP

 Mohd Hakam Hassan

Selepas tempoh setahun berkhidmat kepada siswa-siswi UniMAP akhirnya pada 16 September 2009, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP Sesi 2008/2009 secara rasminya telah dibubarkan oleh Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor UniMAP. Proses hebahan mengenai pembubaran MPP sesi 2008/2009 ini telah dilakukan melalui makluman di Website utama, Postmaster dan Ruangan News & Event dalam Gerbang (Portal) UniMAP. Rentetan daripada pembubaran ini juga telah menyaksikan pihak pengurusan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) perlu untuk melaksanakan sesi Pilihanraya Kampus bagi memilih Ahli-Ahli Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP yang baru bagi sesi 2009/2010.

Sebagai proses awal sebelum sesebuah Pilihanraya Kampus dilaksanakan, Jawatankuasa Pilihanraya Kampus UniMAP yang ditubuhkan telah mengeluarkan Notis Perjalanan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP sesi 2009/2010 untuk makluman kepada semua pelajar UniMAP pada 28 September 2009. Notis Perjalanan Pemilihan dan Makluman Pengambilan Borang Penamaan Calon ini telah dikeluarkan melalui Website utama, Postmaster dan Ruangan News & Event dalam Gerbang (Portal) UniMAP. Selain daripada itu, notis ini juga telah dihasilkan dalam bentuk banting (Banner) dan dinaikkan disekitar kolej-kolej kediaman dan premis-premis utama di UniMAP.

Seterusnya Jawatankuasa Pilihanraya Kampus UniMAP telah menetapkan bermula daripada 30 September sehingga 2 Oktober 2009 adalah tarikh kepada mana-mana siswa/siswi UniMAP yang berminat untuk menjadi calon dalam pemilihan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2009/2010 untuk mendapatkan Borang Penamaan Calon dari Pusat Penamaan Calon, Jabatan HEPA, Jalan Serawak, Kuala Perlis. Setiap borang dikenakan bayaran sebanyak RM 50.00 setiap satu. Jawatankuasa Pilihanraya Kampus juga telah menetapkan 07 Oktober 2009 sebagai tarikh Penamaan Calon.

Bagi Pilihanraya Kampus Pemilihan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP bagi sesi 2009/2010 ini telah menyaksikan sebanyak 33

kerusi untuk Ahli MPP telah dipertandingkan. Agihan kerusi-kerusi tersebut adalah Tujuh (7) kerusi mewakili Konstituensi Umum, Dua Puluh Dua (22) kerusi mewakili 9 buah pusat pengajian, dua (2) kerusi wakil dari konstituensi Diploma dan dua (2) kerusi wakil dari konstituensi Pelajar Antarabangsa. Antara perkara menarik dalam Pilihanraya Kampus kali ini adalah UniMAP bakal menyaksikan Pelajar-Pelajar Antarabangsa UniMAP turut memiliki wakil mereka dalam barisan MPP untuk kali ini.

Suasana pada hari penamaan calon amat baik dan proses berjalan dengan lancar dan tanpa berlakunya sebarang perkara yang tidak diinginkan. Proses penamaan calon ini telah berlangsung di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Jalan Serawak, Kuala Perlis. Bermula dari jam 8.00 pagi lagi, perkarangan pejabat HEPA telah dipenuhi dengan bakal-bakal calon dengan diiringi oleh penyokong-penyokong masing masing. Proses penamaan calon ini berlangsung dari jam 9.00 pagi sehinggalah jam 12.00 tengahari. Selepas tamat jam 12.00 tengahari, pihak Jawatankuasa Pilihanraya Kampus telah menerima sebanyak 28 helai Borang Pencalonan yang kemudian borang-borang tersebut telah dipamerkan kepada umum untuk proses bantahan. Tepat pada jam 1.00 petang, selepas tamat tempoh bantahan (dari jam 12.01 petang hingga 1.00 petang) Encik Abd. Aziz Mohd Najimuddin, Ketua Penolong Pendaftar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni selaku Pengurus Jawatankuasa Pilihanraya Kampus UniMAP sesi 2009/2010 telah mengumumkan kesemua 28 orang calon yang menawarkan diri untuk bertandingan dalam pemilihan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP telah memenangi kerusi-kerusi mengikut konstituensi masing-masing tanpa ada pertandingan.

Akhir sekali nama-nama calon yang telah diisytiharkan menang ini telah dimaklumkan kepada Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor UniMAP bagi tujuan pelantikan sebagai Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP bagi sesi 2009/2010. Manakala Lima (5) kerusi lagi merupakan lantikan oleh Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor UniMAP

